

 Jagalah kesihatan anda

 Ikut naluri hati anda

 Ikut naluri hati anda

## Pengisytiharan Istanbul

Pada tahun 2008, sepasukan pakar perubatan terkemuka dari seluruh dunia telah bertemu di Istanbul, Turki untuk menentukan strategi-strategi untuk mencegah pengedaran organ manusia secara haram serta pelancongan transplan.

Pasukan tersebut memahami sepenuhnya desakan para pesakit yang memerlukan transplan. Mereka telah mengemukakan beberapa prinsip dan cadangan untuk mempromosikan transplan organ daripada penderma yang telah meninggal serta penderma hidup, supaya dapat menjamin kesihatan dan kebijakan penerima dan penderma sambil menghentikan eksploitasi di seluruh dunia. Mereka telah mengemukakan suatu dokumen dasar yang dipanggil **Pengisytiharan Istanbul**.

Pada tahun 2010, **Kumpulan Penjaga Pengisytiharan Istanbul (Declaration of Istanbul Custodian Group [DICG])** ditubuhkan untuk mempromosikan prinsip-prinsip Pengisytiharan tersebut di peringkat antarabangsa. Kumpulan DICG kini ditaja oleh dua buah organisasi profesional antarabangsa yang utama, iaitu Persatuan Transplan (The Transplantation Society [TTS]) dan Persatuan Nefrologi Antarabangsa (International Society of Nephrology [ISN]). Lebih daripada 80 persatuan profesional antarabangsa dan agensi kerajaan telah menerima / menyokong Pengisytiharan Istanbul.

### PENGISYTIHARAN ISTANBUL

Berkaitan Pengedaran Organ dan Pelancongan Transplan



Untuk maklumat lanjutan:

KUMPULAN PENJAGA PENGISYTIHARAN ISTANBUL  
(DECLARATION OF ISTANBUL CUSTODIAN GROUP [DICG])

[www.declarationofistanbul.org](http://www.declarationofistanbul.org)



## Pendahuluan

Pembedahan pemindahan buah pinggang atau transplantasi merupakan rawatan pilihan untuk kebanyakan pesakit yang mengalami penyakit buah pinggang peringkat akhir. Transplantasi merupakan suatu prosedur rumit yang perlu dikendalikan oleh sepasukan pakar bedah dan pakar nefrologi yang berpengalaman, bertempat di sebuah hospital canggih. Buah pinggang untuk pemindahan diperoleh daripada penderma yang telah meninggal ataupun penderma yang masih hidup.

Perolehan buah pinggang daripada penderma yang telah meninggal serta tatacara pengagihannya kepada anda tertakluk pada amalan yang diperlakukan di negara tempat anda bermastautin dan tidak akan dibincangkan selanjutnya.

Penderma buah pinggang yang masih hidup lazimnya merupakan seseorang yang mempunyai tali persaudaraan darah yang erat. Di sesetengah negara pula, tali persaudaraan yang sah dari segi perundungan ataupun tali persaudaraan secara emosi (misalnya pasangan suami isteri, pasangan hidup ataupun rakan karib) dianggap sesuai untuk pendermaan organ. Dalam setiap keadaan sebegini, tindakan untuk menderma dilakukan dengan sepenuh kerelaan sebagai tanda kasih, amanah dan saling prihatin. Penderma berharap supaya penerima mengalami hasil yang selamat dan berjaya, manakala penerima pula berprihatin terhadap keadaan penderma. Transplantasi seumpama ini yang dijalankan secara terbuka dan mengikut peraturan, lazimnya mempunyai kesudahan yang cemerlang dari segi perubatan, psikologi dan sosial bagi kedua-dua penerima dan penderma.

Terdapat juga satu lagi sumber buah pinggang daripada penderma hidup. Seseorang yang terdesak dari segi kewangan akan sanggup menjual salah sebuah daripada buah pinggangnya. Pembelian dan penjualan buah pinggang seumpama ini dikenali sebagai 'perdagangan transplan' dan haram di sisi undang-undang di hampir kesemua negara di dunia ini. Terdapat juga buah pinggang yang diperoleh daripada banduan-banduan yang dihukum mati untuk diperdagangkan.

Risalah ini membincangkan implikasi-implikasi yang timbul sekiranya anda terlibat dalam pembelian buah pinggang dan bertujuan untuk mencegah anda daripada mengambil langkah ini walaupun dalam keadaan terdesak.

## Apakah perdagangan dan pelancongan transplan?

Dalam perdagangan transplan, terdapat penukar wang ataupun harta benda antara penerima dan penderma, sama ada secara langsung ataupun, lebih kerap lagi, melalui orang tengah ataupun broker yang mengutip bayaran untuk urusan perkhidmatan. Penderma (sebenarnya penjual buah pinggang) juga akan menerima wang, yang jumlahnya jauh lebih rendah daripada apa yang dikutip oleh broker. Justeru, perbelanjaan yang ditanggung oleh penerima jauh lebih tinggi daripada perbelanjaan untuk transplan yang sah. Kebanyakan insurans perubatan juga tidak meliputi perbelanjaan untuk transplan komersial.

Meninggalkan negara bermastautin untuk menjalani transplan biasanya dikenali sebagai pelancongan transplan. Kebanyakan pakar transplan tidak menyokong amalan ini dan juga berasa bimbang kerana tahap penjagaan serta rawatan yang akan anda terima jauh lebih rendah berbanding rawatan di negara anda sendiri.

## Mengapa perdagangan transplan itu haram?

- Kebanyakan negara mempunyai rang undang-undang yang khusus yang mengharamkan perdagangan transplan.
- Kemungkinan besar kegiatan tersebut haram di negara yang anda bermastautin.
- Perdagangan transplan lebih mendatangkan keburukan daripada kebaikan.
- Ia mendedahkan penderma dan penerima kepada bahaya yang tidak menentu dan boleh menjelaskan perkembangan pendermaan organ di negara penerima dan negara yang dilancang untuk pembelian buah pinggang.

**+ Apakah bahaya-bahaya lain kepada penerima buah pinggang yang diperoleh daripada penderma yang dibayar?**

Memandangkan bahawa perbuatan ini haram, transplan yang melibatkan penjual buah pinggang biasanya dijalankan di hospital ataupun di klinik yang tidak bertauliah untuk menjalankan transplan tersebut dan tidak diiktiraf oleh lembaga perubatan rasmi. Hospital-hospital tersebut berkemungkinan tidak memenuhi tahap-tahap piawaian pembedahan dan perubatan di negara tempat mereka beroperasi. Sehubungan dengan itu, risiko pesakit mengalami pelbagai komplikasi semasa dan selepas pembedahan adalah jauh lebih tinggi.

Terdapat banyak laporan yang mengutarkan kadar jangkitan dan kematian yang terlalu tinggi dalam kalangan penerima buah pinggang yang dibeli. Besar kemungkinan bahawa penderma tersebut tidak melalui proses penilaian klinikal secara terperinci. Mungkin juga pihak penderma tidak mendedahkan sepenuhnya ataupun tidak sedar akan maklumat kesihatan peribadi. Tahap kebersihan di dewan bedah ataupun di wad hospital mungkin berada pada paras kurang memuaskan. Oleh sebab antipenolakan ubat-ubatan melemahkan sistem imun, maka penerima transplan menghadapi risiko yang tinggi untuk mengalami jangkitan yang mungkin dibawa balik ke negara asal dan dengan itu, membahayakan ahli keluarga serta orang ramai. Jangkitan seumpama ini berkemungkinan kebal terhadap rawatan antibiotik yang sedia ada atau rawatan lain dan boleh juga membawa maut. Perjalanan pulang menaiki kapal terbang sejurus selepas pembedahan juga tidak digalakkan dan boleh menghasilkan pelbagai komplikasi.

Rekod perubatan yang disertakan oleh hospital atau doktor-doktor yang terlibat dengan pelancongan transplan lazimnya tidak lengkap. Penerima organ juga mungkin tidak dibekalkan dengan ubat-ubatan selepas transplan yang kritikal pada dos atau kuantiti yang sepatutnya. Ini akan merumitkan rawatan susulan sekembali ke negara asal dan menjelaskan keberkesanan rawatan.

Akhirnya, besar kemungkinan juga bahawa terdapat segelintir penerima yang tidak melalui proses penilaian yang sewajarnya demi memastikan kesesuaian mereka untuk menjalani transplan buah pinggang. Pelbagai keadaan serius (umpamanya penyakit jantung, jangkitan kronik dan kanser) mungkin terlepas perhatian dan boleh mengakibatkan maut.

**+ Apakah bahaya terhadap penjual buah pinggang? Adakah ia melebihi bahaya terhadap penderma yang sah?**

Mereka yang sanggup menjual buah pinggang lazimnya terdiri daripada golongan miskin dan terdesak. Ada antara mereka sendiri yang seharusnya dianggap sebagai mangsa. Banyak kajian telah mendapati bahawa kebanyakan penjual buah pinggang berasal daripada lapisan masyarakat yang tertindas. Mereka lazimnya merupakan rakyat negara kurang maju yang menderma kepada penerima kaya dari negara-negara lebih maju. Mereka ingin menjual buah pinggang kerana berhasrat mengurangkan beban kewangan serta meningkatkan mutu kehidupan mereka – kerap kali, hasrat mereka ini berkesudahan dengan kekecewaan.

Penjual buah pinggang biasanya bukan sahaja serba kekurangan dari segi ekonomi, malah seringkali dieksplotasikan kerana tidak memahami sepenuhnya prosedur ataupun menyedari risiko yang terlibat. Pada masa yang sama, mereka juga mungkin diperdayakan dan akan merahsiakan maklumat kesihatan peribadi yang kritikal. Keselamatan diri sendiri tidak diberi keutamaan dan mereka memilih untuk menderma walaupun tindakan itu tidak wajar. Kesan buruk terhadap penerima pula tidak diendahkan.

Jumlah wang yang akhirnya diterima oleh penjual buah pinggang merupakan hanya se-peratusan kecil daripada apa yang dibayar oleh penerima dan tidak dapat menyelesaikan masalah kewangan penderma. Kebanyakan daripada wang yang dibayar oleh penerima itu adalah untuk bayaran hospital, para broker dan orang tengah yang lain. Pendapatan penjual buah pinggang itu pula mungkin merosot kerana mereka kini kurang berupaya. Mereka berkemungkinan akan mengalami kemurungan dan ditimpa masalah perkahwinan dan sosial. Mereka juga mungkin tidak menerima perkhidmatan kesihatan yang setimpal. Kebanyakan penjual buah pinggang tidak akan mengesyorkan sesiapa pun supaya menjual buah pinggang mereka.

Terdapat bukti yang jelas bahawa pendermaan buah pinggang secara sah selamat tetapi tiada sebarang data berkaitan keadaan kesihatan jangka masa panjang seseorang yang menjual buah pinggang mereka. Apa yang pasti ialah mereka menghadapi segala risiko yang terlibat dengan pendermaan tanpa bayaran ditambah pula dengan risiko berpunca daripada kemiskinan dan penindasan.

**+ Adakah penerimaan transplan buah pinggang secara komersial itu beretika?**

Terdapat segolongan manusia yang berpendapat bahawa sistem transplan komersial yang dilaksanakan dengan teratur akan memberikan manfaat kepada kedua-dua penjual dan penerima. Pengalaman mutakhir menunjukkan bahawa pendapat ini belum menjadi kenyataan. Hakikatnya, mereka yang miskin masih lagi dieksplotasikan oleh mereka yang berada. Pemakaian, jenayah terancang dan pengedaran manusia (yang kesemuanya diharamkan oleh konvensyen antarabangsa) masih berleluasa. Transplan komersial boleh membahayakan kesihatan kedua-dua penderma dan penerima dan tidak dapat dipertahankan dari segi perubatan mahupun dari segi etika. Persoalan hidup ekonomi golongan miskin tidak seharusnya bergantung pada perniagaan jual beli anggota badan.

**+ Apakah yang dilakukan untuk memberhentikan transplan komersial?**

Pertubuhan perubatan terkemuka dan pakar kesihatan dunia telah bertemu dan bersemuka untuk menghapuskan amalan ini. Pertubuhan Kesihatan Sedunia sememangnya membantah sekeras-kerasnya aktiviti transplan komersial.

Beberapa negara telah pun mengambil tindakan untuk memberhentikan transplan secara komersial dengan menutup hospital-hospital yang terlibat dalam pelancongan transplan dan memberkas broker. Terdapat juga beberapa kes yang penjual buah pinggang serta penerimanya ditahan selepas pembedahan.

**+ Apakah yang perlu saya lakukan?**

Anda seharusnya mengenal pasti sumber di negara anda yang dapat membantu pesakit penyakit buah pinggang peringkat akhir. Anda seharusnya berbincang tentang keadaan kesihatan anda dengan pakar-pakar transplan untuk menentukan sekiranya anda memang merupakan calon transplan buah pinggang dan cara paling sesuai untuk menjalani transplantasi sama ada di negara anda ataupun di kawasan serantau. Anda harus meneliti bagaimana anda boleh disenaraikan untuk menerima transplan daripada penderma yang telah meninggal, dan juga menentukan sekiranya terdapat penderma hidup untuk anda.

Dengan menyokong Perisytiharan Istanbul berkaitan Pengedaran Organ dan Pelancongan Transplan, anda boleh membantu mempromosikan pemindahan organ yang selamat dan efektif di seluruh dunia untuk mendatangkan faedah kepada semua yang memerlukannya sambil melindungi kebajikan penerima dan penderma bersama.

[www.declarationofistanbul.org](http://www.declarationofistanbul.org)

## PENGISYTIHARAN ISTANBUL

Berkaitan Pengedaran Organ dan Pelancongan Transplan

